

1980

PETALING JAYA, 6 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGECA SUPAYA PERPADUAN NEGARA-NEGARA ISLAM DAN UMATNYA DIPERKUKUKKAN LAGI BAGI MENJAMIN KEJAYAAN PERJUANGAN MEMEBBASKAN PALESTIN DAN KOTA SUCI BAITUL MUQADDIS SERTA MENENTANG CABARAN ZIONISME YAHUDI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN NEGARA-NEGARA ISLAM PERLU MEWUJUDKAN SATU BARISAN BERSATU YANG DAPAT BERGERAK BERSAMA SERTA SECARA BERSEPADU DALAM PERJUANGAN TERSEBUT.

BERUCAP DI PERHIMPUNAN +HARI BAITUL MUQADDIS+ ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DI DEWAN AL MALIK FAISAL DI MAKTAB PERGURUAN ISLAM DI SINI, BELIAU BERPENDAPAT KURANGNYA PERPADUAN SELAMA INI MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR MENGAPA PERJUANGAN ISLAM ITU BELUM MENCAPAI KEJAYAAN.

MENURUTNYA, SATU LAGI FAKTOR IALAH NEGARA-NEGARA DAN UMAT ISLAM MASIH KÉKURANGAN ILMU PENGETAHUAN DALAM SEGALA BIDANG BAGI MENGATASI TAKTIK MUSUH.

BELIAU LALU MENYARANKAN SUPAYA UMAT ISLAM BERUSAHA MENGUASAI SEBERAPA BANYAK ILMU PENGETAHUAN KERANA +ILMU PENGETAHUAN ITU BOLEH MENIMBULKAN KEKUATAN+. --BERSAMBUNG 1840/BY

B601

MAHATHIR-BAITUL MUQADDIS 2 PETALING JAYA

SELAIN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT NEGARA-NEGARA ISLAM PERLU BERUSAHA UNTUK BERDIKARI DALAM BIDANG KELENGKAPAN SENJATA.

KATANYA, PERGANTUNGAN NEGARA-NEGARA ISLAM KEPADA KUASA-KUASA DUNIA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN PERJUANGAN ISLAM KERANA BANTUAN ITU TIDAK KEKAL.

MENURUTNYA, APA YANG PERLU DILAKUKAN SEKARANG IALAH SUPAYA NEGARA-NEGARA ISLAM DENGAN KEKAYAAN SUMBER-SUMBER SEMULA JADINYA SAPERTI MINYAK MEMULAKAN USAHA MEMBUAT PERALATAN SENJATA YANG PERLU.

+APA GUNA KEKAYAAN JIKA HANYA BOLEH MEMBELI TETAPI TIDAK BOLEH MEMBUATNYA SENDIRI+, TEGAS BELIAU.
DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN BAHAWA DUNIA SEKARANG HANYA MENGENAL KEKUATAN +JIKA KITA KUAT ORANG AKAN HORMAT KITA TETAPI JIKA KITA LEMAH SEKALIPUN KAYA ORANG TIDAK AKAN MEMPERDULIKAN KITA+. --BERSAMBUNG 1842/BY

B602
MAHATHIR-BAITUL MUQADDIS 3 PETALING JAYA

SEBELUM ITU, KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA HAJI SUHAIMI DATUK HAJI KAMARUDDIN MENGGESA NEGARA-NEGARA ISLAM SUPAYA MENGADAKAN SATU PERSIDANGAN SECEPAT MUNGKIN BAGI MEMBUAT KETETAPAN MENGENAI MASALAH BAITUL MUQADDIS.

PERSIDANGAN TERSEBUT JUGA HENDAKLAH MENGATUR TINDAKAN BAGI MENGHADAPI CABARAN RENCANA RAKSASA ZIONIS.

HAJI SUHAIMI JUGA BERKATA PERGERAKANNYA AKAN MENGUTUSKAN SEPUCUK SURAT KEPADA PEMIMPIN MESIR ANWAR SADAT SUPAYA MENGHENTIKAN RUNDINGAN-RUNDINGANNYA DENGAN PIHAK ZIONIS DEMI KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

SEPUCUK SURAT JUGA AKAN DITULIS KEPADA PRESIDEN CARTER DARI AMERIKA SYARIKAT UNTUK MENINGATKANNYA TENTANG STATUS BAITUL MUQADDIS.

WAKIL PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) ENCIK ABU RYAD JUGA TELAH MEMBACA SATU PERUTUSAN KHAS Pengerusi PLO YASSER ARAFAT DI PERHIMPUNAN ITU.

ENCIK ARAFAT DALAM PERUTUSANNYA ITU MENYERU UMAT ISLAM DI NEGARA INI MENYAHUT SERUAN PUTERA MAHKOTA FAHD DARI ARAB SAUDI SUPAYA BERJIHAT UNTUK MEMBEBASKAN PALESTIN DAN BAITUL MUQADDIS.

BELIAU BERIKRAR PIHAK PLO AKAN TERUS MENGIBARKAN BENDERA JIHAD UNTUK MERAMPAS KEMBALI BUMI PALESTIN SERTA MEMBEBASKAN BAITUL MUQADDIS. --BERSAMBUNG 1845/BY

B603
MAHATHIR-BAITUL MUQADDIS 4 PETALING JAYA

ENCIK ARAFAT JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN, PEMIMPIN DAN RAKYAT MALAYSIA KERANA MENGADAKAN PERJUMPAAN-PERJUMPAAN SEUMPAMA ITU BAGI MENYOKONG PERJUANGAN PLO.

LEBIH 1,000 ORANG TERMASUK 342 ORANG WAKIL PEMUDA DARI 114 BAGHIAN UMNO MENYERTA PERHIMPUNAN ITU. TURUT HADIR IALAH PERWAKILAN-PERWAKILAN DARI BEBERAPA BADAN ISLAM TERMASUK ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM), PERKIM DAN ANGKATAN PELAJAR-PELAJAR ISLAM MALAYSIA (GAPIM).

BEBERAPA ORANG DUTA ASING YANG BERAGAMA ISLAM DAN BEBERAPA ORANG MENTERI TURUT SAMA. --BERNAMA 1847/BY

17